

# Pengurusan kewangan pengaruhi kehidupan

Orang ramai perlu tahu bukan jumlah yang penting tetapi bagaimana wang digunakan

**B**ERMULA minggu ini, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi ditubuhkan Bank Negara Malaysia bagi menyediakan perkhidmatan kepada individu mengenai pendidikan kewangan dan pengurusan kredit, akan berkongsi idea dan pandangan bagaimana menguruskan kewangan anda dengan berkesan.

Dalam siri pertama ini, AKPK akan membawa anda menyelami hubungan anda dengan duit dan bagaimana ia telah membentuk cara dan sikap anda dalam menguruskan kewangan peribadi:

## URUS WANG ANDA

### ● Hubungan anda dengan duit

Jarang sekali kita mendengar orang bertanya, "Bagaimana hubungan kamu dengan duit?" Soalan ini agak sensitif tetapi secara jujur, jika diajukan soalan ini, bagaimana anda akan menjawabnya? Memahami hubungan anda dengan duit amat penting dalam membantu anda menguruskannya dengan baik.

### ● Bagaimana pula dengan masa silam saya?

Untuk memahami hubungan anda dengan duit, imbas kembali sewaktu anda sedang membesar. Kemungkinannya, persepsi anda tentang duit dibentuk oleh orang dewasa di sekeliling anda. Anda mungkin mendapat pelbagai perasaan dan idea tentang duit daripada keluarga.

Jika ahli keluarga anda perlu bekerja keras, anda mungkin fikir membuat duit memerlukan kerja yang banyak dan berjam-jam. Jika ada perselisihan faham tentang duit, anda mungkin rasakan bahawa berbincang

mengenai duit membuatkan orang marah atau takut.

Jika keluarga anda mendapat bantuan kerajaan, anda mungkin rasa sedih, berterima kasih atau malu.

Jika anda mendapat duit ketika kecil, anda mungkin rasa seronok atau bersalah. Anda mungkin rasa seronok dengan memiliki wang anda sendiri atau dapat membantu keluarga anda. Anda mungkin marah kerana perlu bekerja.

### ● Bagaimana pula dengan hari ini?

Kadang kala, anda boleh mengetahui bagaimana perasaan anda terhadap sesuatu dengan menghabiskan sesuatu ayat dalam perkataan anda sendiri. Cuba siapkan ayat-ayat berikut seberapa banyak yang anda boleh dan perhatikan perasaan anda ketika anda menyiapkannya:

1. Ia amat mudah bagi saya untuk membelanjakan duit untuk.....
2. Ia amat sukar bagi saya untuk membelanjakan duit untuk.....
3. Saya suka mendapat duit kerana.....
4. Saya risau mengenai duit

- apabila.....
5. Saya bertengkar tentang duit kerana.....
6. Menyimpan duit membuatkan saya rasa.....
7. Jika hari ini saya ada cukup duit, saya akan.....
8. Bercakap tentang duit membuatkan saya.....
9. Semasa saya membeli barang yang tidak saya perlukan, saya.....
10. Saya tidak tahu bagaimana hendak mengurus duit saya kerana.....

### ● Bagaimana pula dengan esok?

Cara terbaik untuk merancang masa depan adalah dengan memahami keadaan anda yang dulu dan sekarang. Mengetahui tanggapan dan perasaan anda mengenai duit akan membantu anda mengajukan persoalan penting.

Jawapan anda pula boleh membantu anda membuat keputusan yang baik. Cuba ajukan soalan berikut dan ambil sedikit masa untuk memikirkan jawapannya.

1. Berapakah jumlah duit yang cukup untuk keperluan dan kehendak saya?
2. Bagaimanakah saya hendak mendapat duit yang saya perlukan?
3. Bagaimana pula duit untuk kecemasan?
4. Bagaimana pula duit untuk semua barang keperluan keluarga saya?
5. Bagaimana saya boleh berhenti rusing tentang duit?

### ● Bagaimanakah perasaan penduduk Malaysia tentang duit?

Anda perlu tahu tentang masa silam anda dan bagaimana ia memberi kesan kepada anda. Anda juga perlu memahami pengaruh perse-

kitaan anda.

Umumnya, orang Malaysia menghargai duit. Kita selalu melihat kehidupan orang kaya dan ternama melalui filem, rancangan realiti TV, sukan, akhbar dan majalah.

Ramai orang beranggapan duit menjadikan mereka penting. Kita mula mempercayai yang "lebih baru dan lebih besar" adalah lebih baik. Kita lupa untuk merancang sebelum kita berbelanja.

Budaya kita membentuk pemikiran dan tingkah-laku kita. Mari dengan jujur kita tanya diri kita: Tidakkah kita terfikir mengenai orang-orang ternama dan ingin menjadi seperti mereka? Tidakkah tingkah-laku kita seperti watak yang kita lihat dalam TV, dalam filem atau pemain sukan (ya, anda semua mahu menjadi Beckham!)?

Tidakkah kita membeli sesuatu kerana mahu menjadi seperti mereka yang berada dalam iklan tertentu (sesetengah orang mungkin mengakui yang baju kemeja-T Nike mereka sebenarnya memperbaiki permainan golf mereka!)

### ● Mengapa orang mahu duit?

wOrang mahukan duit supaya mereka boleh hidup. Mereka mahukan duit untuk menjaga diri mereka dan keluarga mereka sendiri. Tetapi orang juga mahukan duit kerana budaya kita menjadikan anda penting. Duit adalah keyakinan diri. Anda adalah pendapatan anda.

Budaya kita juga memberitahu kita bahawa memiliki banyak benda akan mengembirakan kita. Apa yang kita lihat dan dengar, menca-

dangkan bahawa kita boleh membeli perasaan.

Jika kita mengambil perhatian mengenai semua ini, jiwa kita boleh jadi kosong. Kita boleh menjadi mufلس atau tidak gembira.

### ● Apa yang duit boleh buat atau tidakboleh buat?

Walaupun budaya kita mengatakan bahawa duit adalah jawapan kepada semua masalah kita, kita juga mendengar yang duit itu jahat: Duit adalah punca segala kejahatan. Duit menghancurkan! Mari kita lihat apa yang duit boleh buat dan tidak boleh buat:

1. Ia boleh membeli sebuah rumah, tetapi bukan keselamatan.
2. Ia boleh membeli sebuah katil, tetapi bukan tidur.
3. Ia boleh membeli sebuah jam, tetapi bukan masa.
4. Ia boleh membelikan anda buku, tetapi bukan ilmu pengetahuan.
5. Ia boleh membelikan anda kedudukan, tetapi bukan penghormatan.
6. Ia boleh membelikan anda ubat, tetapi bukan kesihatan.
7. Ia boleh membelikan anda darah, tetapi bukan nyawa."

### ● Anda lihat, duit bukanlah segalanya!

Apa Yang Duit Boleh Dapatkan Untuk Saya Hari Ini? Dengan duit anda boleh menguruskan makan minum, tempat berteduh dan pakaian. Semua orang memerlukan semua ini untuk hidup.

Anda juga menggunakan duit untuk perkhidmatan seperti penjagaan kesihatan, penjagaan anak, pengangkutan, insuran dan pendidikan. Anda memerlukan banyak



ELAK terlalu boros ketika membeli-belah.

benda yang anda miliki dan perkhidmatan yang anda beli. Belian yang lain adalah kehendak - sebuah kereta baru, makan di luar, pakaian berjenama, percutian atau hanya cuba bersaing dengan jiran kita.

Kuncinya bukan berapa banyak duit yang anda miliki tetapi bagaimana anda menggunakannya. Perbelanjaan anda perlu mengikut nilai anda. Nilai murni anda yang penting.

Ini memerlukan perancangan dan latihan. Melainkan anda menggunakan duit sebagai alat, dengan mudah ia boleh menjadi perangkap!

### ● Apakah yang duit dapat buat untuk masa depan saya?

Pilihan yang anda buat hari ini boleh mengubah masa depan anda. Apabila anda melakukan yang berikut, anda bukan hanya merancang untuk minggu depan, bulan depan atau

tahun depan tetapi seumur hidup:

1. Memilih untuk berbelanja atau tidak berbelanja.
2. Menyimpan duit untuk simpanan kecemasan.
3. Belajar kemahiran baru untuk mendapatkan atau mengekalkan pekerjaan.
4. Melaksanakan hutang.
5. Menjadi pembayar hutang yang baik supaya anda boleh mendapat pinjaman besar seperti pinjaman kereta atau rumah.

6. Mengajar anak dan ahli keluarga tentang penggunaan duit yang betul

Begitulah! Sehingga anda mempunyai hubungan yang baik dengan duit, anda tidak akan boleh hidup bersamanya. Seperti kata pepatah, "Seseorang yang bodoh, duitnya tidak akan kekal lama bersamanya."

Minggu depan, kami akan membantu anda membuat perancangan kewangan yang betul dengan menetapkan bajet.

**Nota:** AKPK adalah sebuah agensi ditubuhkan Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan secara percuma kepada individu mengenai pendidikan kewangan, kaunseling dan program pengurusan kredit. Ia boleh dihubungi di talian bebas tol 1800 88 2575, laman web di alamat [www.akpk.org.my](http://www.akpk.org.my) atau layari [www.youtube.com](http://www.youtube.com) atau [www.facebook.com](http://www.facebook.com).



penerapan asas cara mengurus kewangan yang patut disemal sejak kanak-kanak.